

PEMBUDAYAAN ILMU DAN PERKEMBANGAN INSTITUSI MASJID PADA ZAMAN RASULULLAH SAW

Mohammad Akhir Wahab, Ahmad Nasir Mohd Yusoff &
Mohd Maulana Magiman

ABSTRAK

Masjid merupakan rumah ibadah bagi umat Islam dalam mengerjakan kewajipan solat dan majlis keagamaan serta pusat aktiviti sosial umat Islam. Masjid adalah sebuah institusi ibadah yang sepatutnya berkembang maju dengan arus perkembangan zaman dan memainkan peranan di dalam kehidupan masyarakat Islam sebagai sebuah institusi membina kemajuan ummah dan modal insan bertaqwa serta holistik. Mengimarahkan masjid pula adalah tugas yang berkait rapat dengan konsep kejadian manusia untuk melaksanakan *amar makruf* dan *nahi mungkar*. Justeru itu, pada awal Islam aktiviti di masjid adalah dalam konteks membina modal insan dan individu Muslim melalui pengisian kerohanian di masjid bersumberkan al Qur'an dan pengajian hadis. Urusan pentadbiran dan pengurusan masjid perlu dikemaskini terutamanya mekanisme yang bercirikan profesionalisme dalam segenap sistem pengurusan dan pentadbiran masjid. Ini adalah kerana pembangunan dan kecemerlangan ummah bermula dari sejauhmana berkesannya penggerak dalam melaksana pengurusan masjid dan menjana aktiviti yang lebih berskala besar agar masjid bukan difahami dalam konteks ibadah sahaja tetapi juga tempat untuk menterjemahkan hakikat sebenar di dalam al Quran dan hadis. Perbincangan merangkumi kepentingan pengajian hadith menurut Islam, institusi masjid dan kepentingannya dalam Islam, pengajian hadith dan institusi masjid pada zaman Rasulullah SAW

Kata Kunci: Pembudayaan Ilmu, Perkembangan, Institusi Masjid, Kegemilangan, Tamadun Islam

CULTIVATION OF SCIENCE AND DEVELOPMENT OF MOSQUE INSTITUTION AT THE TIME OF RASULULLAH SAW

ABSTRACT

Mosque is a place of worship for Muslims in performing obligations of prayers and religious functions as well as centers of social activities of Muslims. The mosque is a religious institution that is supposed to thrive

44 | *Pembudayaan Ilmu Dan Perkembangan Institusi Masjid Pada Zaman Rasulullah SAW*

with the current era of development and plays a role in the life of the Islamic community as an institution building the development of the ummah and the human capital of holiness and holistic. In order to direct the mosque, it is a task closely related to the concept of human events to carry out good and evil. Hence, in early Islamic activities in mosques were in the context of building human capital and Muslim individuals through spiritual fulfillment in mosques based on the Qur'an and hadith studies. Administration and management of the mosque should be updated, especially the mechanisms of professionalism in the administration and administration of the mosque. This is because the development and excellence of the ummah starts from the effectiveness of the actors in implementing the management of the mosque and generating more large-scale activities so that the mosque is not understood in the context of worship but also a place to translate the true nature of al-quran and hadith. Discussions include the importance of the study of hadith according to Islam, mosque institution and its importance in Islam, the study of hadith and mosque institution at the time of Rasulullah SAW

Keywords: *cultivation of science, development, mosque institution, excitement, Islamic civilization*

Institusi Masjid dan Kepentingannya Dalam Islam

Perkataan masjid (مَسْجِدٌ) berasal daripada bahasa Arab. Kata dasarnya ialah *sajada* (سَجَدَ) yang bermaksud sujud. Perbuatan merendahkan diri dan tunduk kepada apa-apa yang diperintahkan oleh Allah SWT dipanggil sujud. Masjid daripada segi bahasa bererti tempat sujud. Huruf atau awalan “م” pada perkataan “مسجد” menjadikannya sebagai nama tempat (اسم مكان) bagi masjid yang bermaksud tempat sujud. Dari segi istilah, *Mu'jam al-'Arabi al-Muyassar* mendefinisikan masjid sebagai tempat sujud dan rumah ibadat atau tempat untuk umat Islam bersolat. Kamus Dewan pula mendefinisikan ‘masjid’ sebagai bangunan khas tempat umat Islam melakukan solat Jumaat dan ibadah-ibadah lain. Secara umumnya, dapatlah disimpulkan bahawa masjid bermaksud tempat sujud yang dibangunkan khas untuk umat Islam mendirikan solat sama ada fardu atau sunat serta melaksanakan segala aktiviti yang selari dengan syariat Islam. Dalam hal ini, bumi telah diperakui sebagai tempat sujud yang suci untuk umat Islam bersujud kepada Allah SWT. Hal ini selaras dengan sabda Rasulullah SAW :

جُعِلَتْ لَنَا الْأَرْضُ كُلُّهَا مَسْجِدًا طُحُورًا...

*Muka bumi ini telah dijadikan masjid (tempat sujud)
yang bersih bagi kita ...*

Istilah masjid berkait rapat dengan ibadat sujud yang dilaksanakan dalam solat. ‘Abd Wahhab Hamudah ketika menjelaskan kemunasabahan perkataan sujud sebagai kata dasar daripada perkataan masjid menyatakan bahawa sujud ialah satu rukun yang besar dan perbuatan yang paling mulia dalam solat berbanding rukun-rukun yang lain. Pandangan beliau amat bersesuaian dengan sabda Rasulullah SAW ﷺ yang menyatakan bahawa seseorang hamba berada paling hampir dengan Allah SWT adalah ketika sujud. Sabda Rasulullah SAW :

أَقْرَبُ مَا يَكُونُ الْعَبْدُ مِنْ رَبِّهِ وَهُوَ سَاجِدٌ فَأَكْثِرُوا الدُّعَاءَ

Maksudnya : *Waktu yang paling hampir seseorang hamba dengan Tuhannya adalah ketika ia sujud, maka perbanyakkanlah doa.*

Oleh itu, sujud ialah suatu amalan yang melambangkan tahap kehambaan yang tinggi yang terkandung di dalamnya perasaan rendah diri, ketundukan, kekurangan dan kehinaan seseorang hamba semasa berhadapan dengan kekuasaan, kebesaran dan keagungan Allah SWT. Oleh itu, amat sesuai nama masjid diambil daripada perkataan sujud.

Masjid Dalam Islam

Mu'jam al-Qur'an mencatatkan terdapat dua puluh lapan ayat yang dikaitkan dengan perkataan masjid di dalam al-Qur'an. Dari segi pecahannya, ayat yang mengandungi perkataan *masjid* (مَسْجِدًا) disebut sebanyak dua puluh kali, perkataan *masjidan* (مَسَاجِدًا) disebut sebanyak dua kali dan perkataan *masajid* (مَسَاجِد) disebut sebanyak enam kali. Secara umumnya, catatan ini menggambarkan bahawa masjid mempunyai hubungan yang sangat bermakna dan signifikan dalam kehidupan umat Islam. Al-Qur'an membuktikan kepentingan masjid dengan merakamkan pembinaan masjid pertama di atas muka bumi ini. Masjid tersebut ialah Masjidil Haram atau Kaabah yang terletak di Mekah yang didirikan untuk manusia beribadah di dalamnya. Hal ini berdasarkan maksud firman Allah SWT dalam Surah Ali-'Imran 3:96 :

Sesungguhnya rumah (tempat ibadat) yang mula-mula dibina untuk manusia (beribadah kepada Tuhannya) ialah Baitullah di Mekah, yang berkat dan (dijadikan) hidayah bagi umat manusia.

Ibn Kathir (m774H) menyatakan Masjidil Haram yang dibina oleh Nabi Ibrahim bertujuan untuk umat manusia bersembahyang, beribadah, bertawaf dan beriktikaf di dalamnya Ayat di atas diperkukuh oleh hadith mengenai masjid yang awal dibina. Daripada Abu Dhar:

قُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَيُّ مَسْجِدٍ وُضِعَ فِي الْأَرْضِ أَوَّلَ قَالَ الْمَسْجِدُ الْحَرَامُ
قُلْتُ ثُمَّ أَيٌّ قَالَ الْمَسْجِدُ الْأَقْصَى قُلْتُ كَمْ بَيْنَهُمَا قَالَ أَرْبَعُونَ سَنَةً وَأَيُّمَا
أَدْرَكَتْكَ الصَّلَاةُ فَصَلِّ فَهُوَ مَسْجِدٌ

Maksudnya: *Aku bertanya, wahai Rasulullah SAW: Masjid apakah yang paling awal dibina di bumi ini? Rasulullah SAW bersabda: Masjidil Haram. Aku bertanya lagi: Kemudian masjid apa lagi? Rasulullah SAW bersabda: Masjidil Aqsa. Aku bertanya: Berapa jarak di antara kedua-duanya? Rasulullah SAW bersabda: Empat puluh tahun. Di mana sahaja kamu ingin mendirikan solat (di bumi ini), maka solatlah, kerana (bumi ini) adalah masjid (tempat sujud).*

Daripada ayat al-Qur'an dan hadith di atas, jelas bahawa Masjidil Haram atau Kaabah merupakan masjid pertama yang dibangunkan di atas muka bumi. Status ini telah meletakkan Masjidil Haram sebagai ikon kepada masjid-masjid yang lain dalam Islam dan sekaligus perkara ini menunjukkan kepentingan institusi masjid itu sendiri. Perbincangan tentang kepentingan masjid dalam Islam dibahagikan kepada dua aspek iaitu kedudukan masjid dan fungsinya. Berdasarkan penelitian yang dilakukan, terdapat beberapa ayat al-Qur'an yang menyatakan secara tidak langsung tentang kedudukan masjid dalam Islam. Ayat-ayat tersebut menjelaskan beberapa perkara berkaitan dengan masjid yang menunjukkan kemuliaan dan ketinggian masjid di sisi Allah SWT dan dalam Islam umumnya. Antaranya ialah firman Allah SWT yang bermaksud:

Maksudnya: *Hanyasanya yang layak memakmurkan (menghidupkan) masjid-masjid Allah SWT itu ialah orang yang beriman kepada Allah SWT dan hari akhirat serta mendirikan solat dan menunaikan zakat dan tidak takut*

melainkan kepada Allah SWT, (dengan adanya sifat-sifat yang tersebut) maka adalah diharapkan mereka menjadi golongan yang mendapat petunjuk.

Ayat di atas bertemakan hubungan masjid dengan orang yang beriman. Ibn Kathir (M774H) dalam mentafsirkan ayat tersebut menyatakan bahawa Allah SWT membuat perakuan terhadap umat Islam yang mengimarah masjid sebagai orang yang beriman. Menurut Wahbah al-Zuhayli, antara cara mengimarah masjid adalah dengan bersembahyang di dalamnya dan memberikan apa-apa perkhidmatan kepada masjid. Selain itu, Yusuf al-Qaradawi menyatakan bahawa perkara itu juga bermaksud berdoa, berzikir dan menegakkan syiar-syiarinya. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa wujud hubungan kesalingan yang sangat rapat antara masjid dengan orang yang beriman. Hubungan kesalingan ini menunjukkan bahawa kemuliaan dan ketinggian masjid dalam Islam bukan sahaja terletak pada status asalnya, tetapi juga kerana perakuan kelayakan untuk mengimarahkannya hanya dikhususkan kepada umat Islam yang beriman. Dalam pada itu, aktiviti pengimarah masjid bagi umat Islam menjadi petunjuk penting terhadap tahap keimanan mereka. Kemuliaan masjid juga terbukti apabila terdapat larangan terhadap orang kafir untuk mengimarah masjid. Firman Allah SWT dalam Surah al-Taubah 9:17 yang bermaksud:

Tidaklah layak orang kafir Musyrik itu memakmurkan (menghidupkan) masjid-masjid Allah SWT, sedang mereka menjadi saksi (mengakui) akan kekufuran diri mereka sendiri. Mereka itu ialah orang yang rosak binasa amal-amalnya dan mereka pula kekal di dalam neraka.

Al-Tabari (m310H) menyatakan bahawa masjid tidak boleh diimarah oleh orang kafir Musyrik. Hal ini kerana pengimarah masjid merupakan suatu bukti dan lambang ketundukan seseorang hamba kepada Allah SWT. Oleh itu, sebarang bentuk dan usaha untuk mengimarah masjid dalam kalangan mereka yang kufur terhadap Allah SWT ternafi dengan sendirinya kerana sifat kekufuran itu sendiri amat bertentangan dengan prinsip kehambaan dan ketundukan kepada Allah SWT sebagaimana yang diterjemahkan oleh orang yang beriman. Daripada huraian di atas, jelaslah bahawa Islam sangat memuliakan institusi masjid. Hak untuk mengimarah masjid hanya diperakui

48 | *Pembudayaan Ilmu Dan Perkembangan Institusi Masjid Pada Zaman Rasulullah SAW*

terhadap orang beriman sahaja. Islam tidak berkompromi dengan sebarang bentuk kekufuran lantaran kemuliaan masjid itu sendiri. Hal ini bertepatan dengan firman Allah SWT dalam Surah al-Jin 72:18 yang bermaksud:

Dan sesungguhnya masjid-masjid itu adalah kepunyaan Allah SWT semata-mata (untuk beribadah kepada-Nya). Maka janganlah kamu menyembah sesiapa pun di dalamnya bersama-sama Allah SWT.

Masjid menjadi tempat yang paling disukai oleh Allah SWT berbanding dengan tempat-tempat lain kerana di sinilah terserlahnya nilai ketaatan yang tinggi yang berasaskan ketakwaan. Sesuai dengan kedudukan masjid yang sangat mulia sebagaimana dijelaskan di atas, maka fungsinya juga amat besar dalam menyumbang ke arah pembentukan masyarakat Islam yang bertakwa kepada Allah SWT serta menghayati sunnah Rasulullah SAW. Allah SWT menjelaskan fungsi masjid menerusi firman-Nya dalam Surah al-Nur 24:36 .yang bermaksud :

Bertasbihlah kepada Allah SWT di rumah-rumah ibadat yang diperintahkan oleh Allah SWT supaya dimuliakan kedudukannya dan disebut serta diingati nama-nama Allah SWT padanya, di situ juga dikerjakan ibadah memuji Allah SWT pada waktu pagi dan petang.

Ibn Kathir (m774H) ketika mentafsirkan ayat di atas menyatakan bahawa Allah SWT memerintahkan agar dimuliakan masjid dengan mensucikannya daripada sebarang jenis kekotoran, perkara sia-sia serta perkataan dan perlakuan yang tidak sesuai. Jalal al-Din al-Suyuti (M911H) memperincikan ayat di atas lagi dengan menghuraikan frasa (وَيَذَكَّرُ فِيهَا اسْمَهُ) sebagai membaca kitab Allah SWT di masjid, manakala frasa (يُسَبِّحُ) dinyatakan sebagai bersolat di dalamnya. Rasulullah SAW juga pernah bersabda:

مَنْ سَمِعَ رَجُلًا يَنْشُدُ ضَالَّةً فِي الْمَسْجِدِ فَلْيَقُلْ لَا رَدَّهَا اللَّهُ عَلَيْكَ فَإِنَّ الْمَسَاجِدَ
لَمْ تُبْنَ لَهُذَا

Sesiapa yang mendengar seseorang menyanyikan lagu yang menyesatkan di masjid, maka hendaklah dia

49 | *Pembudayaan Ilmu Dan Perkembangan Institusi Masjid Pada Zaman Rasulullah SAW*

berkata: Jangan! Allah SWT tidak menerima amalan kamu. Sesungguhnya masjid tidak dibangun untuk tujuan ini.

Ketika mensyarahkan hadith di atas, al-Nawawi (m676H) menyatakan bahawa masjid berfungsi sebagai tempat berzikir kepada Allah SWT, bersolat, mengadakan majlis ilmu, bermuzakarah dalam perkara-perkara kebaikan dan sebagainya. Semua amalan ini termasuk dalam amal kebajikan dan sesuai dilaksanakan di masjid. Oleh itu, sebarang tindakan yang tidak sesuai dengan kedudukan masjid yang mulia tersebut seperti nyanyian yang melalaikan serta ungkapan yang keji amat dilarang oleh Islam.

Selain fungsi utama sebagaimana dinyatakan di atas, Ibn Taymiyah (m728H) seperti yang dipetik oleh ‘Ali ‘Abd al-Halim Mahmud menyatakan bahawa Rasulullah SAW ﷺ tidak mengasaskan masjid hanya untuk dijadikan tempat bersolat, membaca al-Qur’an, berzikir, pengajian ilmu dan berpidato semata-mata. Masjid merupakan medium untuk para pemimpin dan umat Islam berkumpul dan bertemu. Dengan kata lain, masjid berfungsi sebagai medan siasah bagi melaksanakan hal-hal kenegaraan dan pemerintahan seperti menaikkan panji-panji negara dan pelantikan pemimpin. Selain itu, masjid turut berfungsi sebagai lokasi memperkenalkan kebudayaan dan adat resam serta tempat umat Islam membincangkan hal-hal keagamaan dan keduniaan yang melibatkan kemaslahatan mereka

Masjid Pada Zaman Rasulullah SAW

Rasulullah SAW membangun masyarakat Islam berasaskan beberapa aspek, antara yang utama ialah membangun individu Muslim, rumah tangga Muslim dan institusi masjid. Sebagai sebuah institusi masyarakat, masjid berperanan sebagai medium dalam menyebarkan dan mengembangkan ilmu-ilmu Islam. Rasulullah SAW bersabda :

مَنْ جَاءَ مَسْجِدِي هَذَا لَمْ يَأْتِهِ إِلَّا لِحَيْثٍ يَتَعَلَّمُهُ أَوْ يُعَلِّمُهُ فَهُوَ بِمَنْزِلَةِ الْمُجَاهِدِ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَمَنْ جَاءَ لِغَيْرِ ذَلِكَ فَهُوَ بِمَنْزِلَةِ الرَّجُلِ يَنْظُرُ إِلَى مَنَاعِ غَيْرِهِ

Maksudnya : Sesiapa mendatangi masjidku ini, ia tidak datang kecuali kerana kebaikan sesuatu yang ia pelajari atau yang akan ia ajarkan, maka kedudukannya seperti seorang mujahid fi sabilillah. Dan sesiapa mendatangi-

nya untuk selain itu, maka ia seperti seseorang yang melihat barang milik orang lain."

MASJID SEBELUM PERISTIWA HIJRAH KE MADINAH

Al-Qur'an dan hadith menjelaskan bahawa dalam sejarah kewujudan umat manusia, masjid yang paling awal dibina ialah Baitullah (بَيْتُ اللَّهِ) dan dikenali sebagai Kaabah atau *al-Masjid al-Haram* (الْمَسْجِدُ الْحَرَامُ). Allah SWT berfirman dalam Surah Ali-'Imran 3:96 . yang bermaksud:

Sesungguhnya rumah (tempat ibadah) yang mula-mula dibina untuk manusia (beribadah kepada Tuhannya) ialah Baitullah di Mekah, yang berkat dan (dijadikan) hidayah bagi umat manusia.

Al-Qurtubi (m671H) dalam tafsirnya telah memetik kata-kata 'Ali bin Abi Talib bahawa Allah SWT telah mengarahkan para malaikat membina sebuah rumah (Baitullah atau Masjidil Haram) di bumi dan memerintahkan mereka tawaf di sekelilingnya. Setelah Adam diciptakan, baginda meneruskan pembinaan Masjidil Haram dan bertawaf di situ. Amalan bertawaf ini dilakukan secara berterusan oleh nabi-nabi selepas Nabi Adam di Masjidil Haram sehinggalah Nabi Ibrahim menyempurnakan pembinaannya. Hal ini dijelaskan oleh Allah SWT menerusi firman-Nya dalam Surah al-Baqarah 2:127:

Dan ingatlah ketika Nabi Ibrahim bersama-sama Nabi Ismail meninggikan binaan asas-asas (tapak) Baitullah (Kaabah) itu, sambil kedua-duanya berdoa dengan berkata, "Wahai Tuhan kami! Terimalah daripada kami (amal kami), sesungguhnya Engkau lah Yang Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui."

Berdasarkan fakta di atas, Jamal 'Abd al-Hadi menyatakan bahawa kewujudan Masjidil Haram mempunyai perkaitan dengan Nabi Adam sebagai manusia terawal di atas muka bumi (أَبُو الْبَشَرِ). Hal ini bermaksud, Masjidil Haram di Mekah mempunyai sejarah yang amat panjang yang hakikatnya hanya berada dalam pengetahuan Allah SWT sahaja. Masjidil Haram mempunyai kelebihan yang tersendiri. Antara kelebihan tersebut sebagaimana dinyatakan Rasulullah SAW menerusi sabda baginda:

مَنْ أَتَى هَذَا الْبَيْتَ فَلَمْ يَرْفُثْ وَلَمْ يَفْسُقْ رَجَعَ كَمَا وَلَدَتْهُ أُمُّهُ

Sesiapa yang datang ke rumah ini (Masjidil Haram), sedangkan dia tidak melakukan persetubuhan dan perbuatan jahat, maka dia akan kembali sebagaimana hari ibunya melahirkannya.

Ibn Hajar (m852H) menyatakan frasa “مَنْ أَتَى هَذَا الْبَيْتَ” dalam hadith di atas bermaksud sesiapa yang datang ke Masjidil Haram dengan tujuan untuk mengerjakan ibadah haji dan umrah. Manakala al-Nawawi (m676H) pula menyatakan frasa “رَجَعَ كَمَا وَلَدَتْهُ أُمُّهُ” bermaksud seseorang yang mengerjakan ibadah-ibadah tersebut di Masjidil Haram akan kembali bersih dan suci daripada dosa sebagaimana keadaan pada hari ibunya melahirkannya. Selain itu, kelebihan solat di Masjidil Haram mengatasi kelebihan solat di masjid-masjid lain. Rasulullah SAW bersabda:

صَلَاةٌ فِي مَسْجِدِي هَذَا أَفْضَلُ مِنْ أَلْفِ صَلَاةٍ فِيْمَا سِوَاهُ إِلَّا الْمَسْجِدَ الْحَرَامَ وَصَلَاةٌ فِي ذَلِكَ أَفْضَلُ مِنْ مِائَةِ صَلَاةٍ فِي هَذَا (يَعْنِي فِي مَسْجِدِ الْمَدِينَةِ)

Sekali solat di masjidku (Masjid Nabawi) ini lebih baik daripada seribu kali solat di masjid-masjid lain selain daripada Masjidil Haram, dan sekali solat di situ (Masjidil Haram) lebih baik daripada seratus kali solat di masjid ini (Masjid Madinah iaitu Masjid Nabawi)

Selain Masjidil Haram, terdapat sebuah lagi masjid yang dinyatakan oleh al-Qur'an dan hadith yang wujud sebelum zaman Rasulullah SAW. Masjid tersebut dikenali sebagai *al-Masjid al-Aqsa* (الْمَسْجِدُ الْأَقْصَى). Masjidilaqsa dinyatakan dengan jelas dalam al-Qur'an ketika Allah SWT menceritakan mengenai peristiwa *al-Isra'*. Allah SWT berfirman dalam Surah al-Isra' 17:1 dengan maksud:

Maha Suci Allah SWT yang telah menjalankan hamba-Nya (Muhammad) pada malam hari dari Masjidil Haram (di Mekah) ke Masjidilaqsa (di Palestin), yang kami berkati sekelilingnya, untuk memperlihatkan kepadanya tanda-tanda (kekuasaan dan kebesaran) Kami. Sesungguhnya Allah SWT jualah yang Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.

Rasulullah SAW juga menyatakan tentang Masjidil Aqsa sebagai masjid kedua dalam sejarah pembinaan masjid selepas Masjidil Haram. Masjidil Aqsa dibina selepas empat puluh tahun dibangunkan Masjidil Haram. Daripada Abu Dhar:

قُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَيُّ مَسْجِدٍ وُضِعَ فِي الْأَرْضِ أَوْلُ قَالَ الْمَسْجِدُ الْحَرَامُ قُلْتُ ثُمَّ أَيٌّ قَالَ الْمَسْجِدُ الْأَقْصَى قُلْتُ كَمْ بَيْنَهُمَا قَالَ أَرْبَعُونَ سَنَةً .

Maksudnya: *Aku bertanya wahai Rasulullah SAW: Masjid apakah yang paling awal dibina di bumi ini? Rasulullah SAW bersabda: Masjidil Haram. Aku bertanya lagi: Kemudian masjid apa lagi? Rasulullah SAW bersabda: Masjidil Aqsa. Aku bertanya: Berapa jarak di antara kedua-duanya? Rasulullah SAW bersabda: Empat puluh tahun...*

Masjidil Aqsa juga menjadi antara masjid utama dalam Islam selain Masjidil Haram dan Masjid Nabawi. Perkara ini dinyatakan oleh Rasulullah SAW melalui sabdanya :

لَا تُشَدُّ الرَّحَالُ إِلَّا إِلَى ثَلَاثَةِ مَسَاجِدَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ وَالْمَسْجِدِ الرَّسُولِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَالْمَسْجِدِ الْأَقْصَى

Maksudnya: *Tidak sepatutnya kamu bersusah payah untuk mengembara kecuali menuju ke tiga-tiga masjid ini; Masjidil Haram, Masjid Nabawi dan Masjidil Aqsa.*

Dalam konteks kelebihan bersolat di Masjidil Aqsa, Rasulullah SAW bersabda:

الصَّلَاةُ فِي الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ بِمِائَةِ أَلْفِ صَلَاةٍ، وَالصَّلَاةُ فِي مَسْجِدِي بِأَلْفِ صَلَاةٍ، وَالصَّلَاةُ فِي بَيْتِ الْمَقْدِسِ بِخَمْسِمِائَةِ صَلَاةٍ

Maksudnya: *Bersolat di Masjidil Haram menyamai seratus ribu solat (di masjid-masjid lain), bersolat di masjidku (Masjid Nabawi) menyamai seribu solat (di masjid-masjid lain) dan bersolat di Bayt al-Maqdis (Masjidil Aqsa) menyamai lima ratus solat (di masjid-masjid lain).*

Daripada keterangan-keterangan di atas, dapatlah disimpulkan bahawa sebelum zaman Rasulullah SAW telah terdapat dua buah masjid di atas

muka bumi ini iaitu Masjidil Haram di Mekah dan Masjidil Aqsa di Palestin. Kewujudan masjid-masjid ini mempunyai signifikannya dengan usaha Rasulullah SAW dalam menyampai dan menyebarkan ilmu-ilmu Islam yang berkaitan dengan al-Qur'an dan hadith.

MASJID SEMASA DAN SELEPAS PERISTIWA HIJRAH KE MADINAH

a. Masjid Quba'

Peristiwa hijrah Rasulullah SAW dari Mekah ke Yathrib (Madinah) mempunyai pertalian yang sangat rapat dengan pengasasan Masjid Quba' (مَسْجِدُ قُبَاءٍ). Masjid Quba' ini adalah sempena nama sebuah perkampungan yang terletak tiga kilometer dari Bandar Madinah yang didiami oleh Bani 'Amru bin 'Auf daripada golongan Ansar. Pengasasan Masjid Quba' dilakukan semasa Rasulullah SAW tinggal sementara di perkampungan tersebut. Peristiwa ini dijelaskan oleh Ibn Hisham (m213H) dengan memetik kata-kata Ibn Ishaq yang berkata:

فَأَقَامَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِقُبَاءٍ، فِي بَيْتِ عَمْرِو بْنِ عَوْفٍ،
يَوْمَ الْاِثْنَيْنِ وَيَوْمَ الْثَلَاثَاءِ وَيَوْمَ الْأَرْبَعَاءِ وَيَوْمَ الْخَمِيسِ وَأَسَّسَ مَسْجِدَهُ
Maksudnya: *Rasulullah SAW tinggal bersama-sama Bani 'Amru bin 'Auf di Quba' pada hari Isnin, Selasa, Rabu, Khamis dan pada hari seterusnya baginda mengasaskan Masjid Quba'.*

Al-Bukhari (m256H) ketika meriwayatkan peristiwa hijrah Rasulullah SAW ke Madinah, turut meriwayatkan pembinaan Masjid Quba' setelah beberapa hari baginda tinggal di perkampungan Bani 'Amru. Riwayat berkenaan menyatakan bahawa pembinaan masjid ini adalah atas dasar ketakwaan kepada Allah SWT. Hal ini selaras dengan firman Allah SWT dalam Surah al Taubah 9:108 yang bermaksud:

... sesungguhnya masjid (Quba' yang engkau bina wahai Muhammad), yang telah didirikan atas dasar taqwa dari mula (wujudnya), lebih patut engkau bersolat di situ.

Dalam suatu riwayat oleh Ibn Zabalah (m199H), beliau menyatakan bahawa Rasulullah SAW sering menziarahi Masjid Quba' serta berjalan-jalan di sekitarnya pada setiap hari Sabtu. Hal ini menunjukkan Masjid Quba' ialah sebuah masjid yang baginda sangat muliakan serta

mempunyai kelebihan yang tersendiri. Dalam hal ini, Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ تَطَهَّرَ فِي بَيْتِهِ ثُمَّ أَتَى مَسْجِدَ قُبَاءَ فَصَلَّى فِيهِ صَلَاةً كَانَ لَهُ كَأَجْرِ
عُمْرَةٍ

Maksudnya: *Sesiapa yang bersuci (mengambil wuduk) di rumahnya kemudian dia pergi ke Masjid Quba' lalu mendirikan solat di dalam masjid itu, ganjarannya samalah dengan pahala ibadah umrah.*

Daripada maklumat di atas, dapatlah dirumuskan bahawa Masjid Quba' ialah masjid yang paling awal diasas dan dibina oleh Rasulullah SAW dalam peristiwa hijrah ke Madinah.

b. Masjid Nabawi

Kesinambungan daripada pengasasan Masjid Quba' serta kemuncak kepada peristiwa hijrah Rasulullah SAW, maka terbina pula Masjid Nabawi (المَسْجِدُ النَّبَوِيُّ) di Kota Madinah. Masjid Nabawi adalah masjid yang pertama dibina di Kota Madinah setelah berakhirnya perjalanan hijrah Rasulullah SAW bersama-sama dengan para sahabat baginda. Al-Bukhari (m256H) dalam sahihnya turut meriwayatkan pengasasan Masjid Nabawi melalui sanad yang sama yang meriwayatkan pengasasan Masjid Quba'. Riwayat tersebut menyatakan bahawa setelah Masjid Quba' diasaskan, Rasulullah SAW meneruskan perjalanan sehinggalah memasuki Kota Madinah. Unta Baginda berhenti di satu kawasan yang dijadikan tempat mengering tamar oleh Sahl dan Suhayl, dua orang anak yatim golongan Ansar yang mendapat perlindungan daripada As'ad bin Zurarah. Riwayat juga menyebut bahawa kawasan ini turut dijadikan tempat solat oleh beberapa orang Islam. Melihat kepada keberkatan tempat tersebut, Rasulullah SAW melahirkan hasrat untuk membina sebuah masjid di situ. Walaupun pada permulaannya kedua-dua anak yatim yang menjadi pemilik tanah ingin menghadiahkan tanah tersebut kepada Rasulullah SAW, namun baginda enggan menerimanya. Akhirnya, setelah urusan jual beli terlaksana, maka bermulalah pembinaan masjid.

Pembinaan Masjid Nabawi dijalankan secara gotong-royong. Rasulullah SAW bersama-sama dengan para sahabat bekerjasama dengan mengangkut batu bata sambil bersyair. Riwayat menyebut bahawa Rasulullah SAW mengungkapkan syair :

هَذَا الْحَمَالُ لَا حَمَالَ خَيْرُ هَذَا أَبْرُ رَبَّنَا وَأَطْهَرُ

*Pemunggal ini bukan seperti pemunggal Khaybar,
Yang ini lebih baik dan lebih suci di sisi Tuhan.*

Lalu disambut oleh para sahabat dengan berkata:

اللَّهُمَّ إِنَّ الْأَجْرَ أَجْرُ الْأَخْرَهَ فَارْحَمِ الْأَنْصَارَ وَالْمُهَاجِرَةَ

*Ya Allah SWT! sesungguhnya pahala itu adalah pahala
di akhirat, maka kasihilah orang Ansar dan Muhajirin.*

Dalam riwayat lain, Abu Sa'id menyatakan :

كُنَّا نَحْمِلُ لَبْنَةً لَبْنَةً وَعَمَّارٌ لَبِنَتَيْنِ لَبِنَتَيْنِ فَرَأَهُ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ
وَسَلَّمَ فَيَنْفُضُ التُّرَابَ عَنْهُ وَيَقُولُ وَيَحِ عَمَّارٌ تَقْتُلُهُ الْفِتْنَةُ الْبَاغِيَّةُ
يَدْعُوهُمْ إِلَى الْجَنَّةِ وَيَدْعُوهُمْ إِلَى النَّارِ قَالَ يَقُولُ عَمَّارٌ أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ
الْفِتْنِ

*Kami (para sahabat) memikul batu satu persatu,
sedangkan 'Ammar memikul dua batu dua batu
sekaligus. Suatu ketika Rasulullah SAW memerhatikannya
sambil menyapu debu tanah di pakaian baginda
lantas bersabda: Kasihan 'Ammar, dia akan dibunuh
oleh golongan durjana. Dia mengajak mereka ke syurga
sedangkan mereka mengajaknya ke neraka. 'Ammar
lantas berkata: Aku berlindung kepada Allah SWT
daripada fitnah tersebut.*

Talq bin 'Ali turut meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW memberi dorongan dan semangat kepada para sahabat kerana mereka terpaksa bergelumang dengan lumpur tanah semasa membina Masjid Nabawi. Kerjasama yang terjalin antara Rasulullah SAW dan para sahabat akhirnya berjaya membangunkan sebuah masjid yang dikenali sebagai Masjid Nabawi. Selain batu-bata yang menjadi asas binaan, tiang masjid diperbuat daripada batang pokok kurma, sementara pelepahnya dijadikan bumbung masjid. Secara umumnya, inilah ciri-ciri masjid yang terdapat pada zaman Rasulullah SAW sebagaimana diceritakan oleh 'Abdullah bin 'Umar kepada Nafi'. Sementara itu, al-Sakhawi (m902H) dalam *al-Tuhfah al-Latifah* menerangkan ciri-ciri fizikal Masjid Nabawi yang dibina oleh Rasulullah SAW dan para sahabat. Masjid ini berbentuk segi empat, panjang tujuh puluh hasta, lebar enam puluh hasta atau lebih dan

ketinggiannya tujuh atau lima hasta. Oleh itu, secara umumnya ciri-ciri fizikal ini menunjukkan Masjid Nabawi pada peringkat awal pembinaannya ialah sebuah masjid yang sangat ringkas dan sederhana. Masjid Nabawi juga mempunyai kelebihan tertentu berbanding dengan masjid-masjid yang lain. Rasulullah SAW bersabda:

صَلَاةٌ فِي مَسْجِدِي هَذَا أَفْضَلُ مِنْ أَلْفِ صَلَاةٍ فِيَمَا سِوَاهُ إِلَّا الْمَسْجِدَ الْحَرَامَ

Maksudnya: *Sekali bersolat di masjidku ini (Masjid Nabawi) lebih baik daripada seribu kali solat di masjid-masjid lain selain Masjidil Haram.*

Kelebihan ini telah meletakkan Masjid Nabawi sebagai masjid terpenting dan utama dalam Islam selepas Masjidil Haram. Tidak hairanlah umat Islam dari dahulu hingga sekarang sentiasa berazam mengunjunginya dari semasa ke semasa. Berdasarkan maklumat di atas, jelas bahawa Masjid Nabawi ialah masjid pertama yang dibina di Kota Madinah. Masjid Nabawi juga menjadi masjid kedua yang dibina oleh Rasulullah SAW sepanjang berlakunya peristiwa hijrah dari Mekah ke Madinah.

c. Masjid-Masjid Lain

Selain Masjid Quba' dan Masjid Nabawi, terdapat juga masjid-masjid lain pada zaman Rasulullah SAW. Al-Kattani dalam *al-Taratib al-Idariyah* mencatatkan bahawa di Kota Madinah terdapat sembilan buah masjid selain Masjid Nabawi. Masjid-masjid tersebut sebagaimana diceritakan oleh Bukayr bin al-Asyham ialah Masjid Bani 'Amru, Masjid Bani Sa'idah, Masjid Bani Salamah, Masjid Bani Rabih, Masjid Bani Zurayq, Masjid Ghifar, Masjid Aslam dan Masjid Juhaynah. Masjid yang kesembilan kurang jelas atau terdapat keraguan. Kesemua masjid ini menggunakan satu sumber azan sahaja iaitu yang dilaungkan oleh Bilal di Masjid *Jami'* (Masjid Nabawi) sebagai tanda masuk waktu solat. Manakala al-Baladhuri dalam *Ansab al-Ashraf* sebagaimana dipetik oleh Mohd Napiyah Abdullah, menyatakan bahawa di Madinah pada zaman Rasulullah SAW terdapat sembilan buah masjid yang digunakan untuk tujuan pendidikan.

Walaupun tidak semua masjid dibina oleh Rasulullah SAW, namun asas pembinaannya berkait rapat dengan baginda. Dalam kalangan sahabat, ada yang menjadikan tempat Rasulullah SAW bersolat sebagai tapak asas untuk membina masjid. Selain itu, terdapat masjid-masjid yang

telah dibina oleh para sahabat, kemudiannya baginda datang untuk bersembahyang di situ Namun, pada zaman Rasulullah SAW, terdapat juga masjid yang dibina oleh golongan munafik bertujuan menyaingi masjid yang dibina oleh baginda. Oleh itu, senario ini menggambarkan bahawa selepas peristiwa hijrah, masjid pada zaman tersebut tumbuh bagai cendawan selepas hujan. Bagaimanapun, penulisan ini hanya mengetengahkan maklumat umum tentang beberapa buah masjid sahaja iaitu Masjid *al-Ijabah*, Masjid *al-Qiblatayn*, Masjid *Bani Harithah* dan Masjid *al-Fath*. Masjid-masjid yang diketengahkan ini mempunyai perkaitan langsung dengan Rasulullah SAW daripada sudut latar belakangnya. Pemilihan masjid-masjid ini memadai untuk membuktikan kewujudan masjid-masjid lain pada zaman Rasulullah SAW selain masjid-masjid utama seperti yang telah dijelaskan. Di samping itu, Masjid *Dirar* sebagai institusi yang menjadi lambang penentangan golongan munafik juga diketengahkan.

Masjid *al-Ijabah* (مسجد الإجابة) terletak kira-kira 385 meter di Utara Baqi` dan 580 meter dari Masjid Nabawi (setelah perluasan). Dinamakan *al-Ijabah* kerana Rasulullah SAW pernah bersolat dan berdoa memohon tiga perkara di masjid ini. Allah SWT memperkenankan dua daripada tiga permohonan baginda. Atas sebab itulah masjid ini dikenali sebagai Masjid *al-Ijabah* Hal ini disebut oleh Imam Muslim:

‘Amir bin Sa’d daripada ayahnya telah memberitahuku bahawa suatu hari Rasulullah SAW datang dari al-‘Aliyah. Baginda melalui masjid Bani Mu‘awiyah dan memasukinya. Baginda bersolat dua rakaat dan kamipun ikut bersolat bersama-sama baginda. Rasulullah SAW mengambil masa yang lama berdoa kepada Allah SWT, kemudiannya baginda menuju ke arah kami. Baginda bersabda: Aku memohon tiga perkara kepada Tuhanku, tetapi hanya dua perkara diperkenankan, dan satu perkara lagi tidak diperkenankan. Aku memohon agar umatku tidak dibinasakan dengan terputusnya bekalan makanan, permohonanku diperkenankan. Aku memohon agar umatku tidak ditenggelamkan, permohonanku juga diperkenankan. Aku memohon agar permusuhan sesama umatku tidak berlaku, tetapi permohonanku tidak diperkenankan.

Masjid *al-Ijabah* juga dikenali sebagai Masjid Bani Mu'awiyah. Dinamakan demikian kerana masjid ini terletak di kawasan penempatan Bani Mu'awiyah daripada golongan Ansar. Muhammad Ilyas 'Abd al-Ghani memetik kata-kata al-Samhudi dalam *Wafa' al-Wafa* bahawa masjid ini dimiliki oleh Bani Mu'awiyah bin Malik bin 'Auf daripada suku Aus Jelaslah bahawa Masjid *al-Ijabah* ialah sebuah masjid yang mempunyai keunikannya yang tersendiri kerana Rasulullah SAW pernah menendoakan kesejahteraan umat baginda di situ. Seterusnya Masjid *al-Qiblatayn* (مَسْجِدُ الْقِبْلَتَيْنِ). Masjid ini terletak di Jalan Khalid ibn al-Walid, bahagian Barat Laut Kota Madinah. Pada asalnya masjid ini dikenali sebagai Masjid Bani Salamah kerana kedudukannya terletak di perkampungan tersebut Masjid ini dinamakan *al-Qiblatayn* (dua kiblat) kerana diriwayatkan bahawa ketika Rasulullah SAW dan para sahabat berada pada rakaat kedua solat zohor di perkampungan Bani Salamah, Allah SWT memerintahkan baginda menukar arah kiblat dari Masjidil Aqsa di Baitul Maqdis ke Masjidil Haram di Mekah Perintah pertukaran arah kiblat ini terkandung dalam firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah 1:144:

Kerap kali Kami melihat engkau (wahai Muhammad) berulang-ulang kali mendongak ke langit, maka Kami benarkan engkau berpaling mengadap kiblat yang engkau sukai. Oleh itu, palingkanlah mukamu ke arah Masjidil Haram (Kaabah), dan di mana sahaja kamu berada, maka hadapkanlah muka kamu ke arahnya. Sesungguhnya orang (Yahudi dan Nasrani) yang telah diberikan kitab mengetahui perkara itu (pemindahan kiblat ke Kaabah) adalah perintah yang benar daripada Tuhan mereka. Allah SWT sekali-kali tidak lalai akan apa yang mereka lakukan.

Dapatlah disimpulkan di sini bahawa Masjid *al-Qiblatayn* sangat sinonim dengan sejarah perubahan arah kiblat dari Masjidil Aqsa di Baitulmaqdis ke Masjidil Haram di Mekah. Selain itu, terdapat sebuah masjid yang dikenali sebagai Masjid Bani Harithah (مَسْجِدُ بَنِي حَارِثَةَ). Masjid Bani Harithah dinamakan demikian kerana masjid tersebut terletak di perkampungan Bani Harithah daripada golongan Ansar. Masjid ini lebih terkenal dengan panggilan Masjid al-Mustarah (مَسْجِدُ الْمُسْتَرَاهِ) kerana dikaitkan dengan tempat rehat Rasulullah SAW selepas baginda kembali dari *Ghazwah* Uhud. Menurut Ibn Zabalah (m199H),

Rasulullah SAW juga diriwayatkan pernah bersolat di Masjid Bani Harithah Sebagaimana Masjid *al-Qiblatayn*, riwayat yang menyebut tentang Masjid Bani Harithah juga berkaitan dengan pertukaran arah kiblat. Al-Bukhari meriwayatkan bahawa al-Barra' bin 'Azib menyatakan:

Rasulullah SAW bersolat menghadap Baitulmaqdis selama enam belas atau tujuh belas bulan, sedangkan baginda suka menghadap wajahnya ke arah Kaabah. Maka turunlah ayat { قَدْ نَرَى تَقَلُّبَ وَجْهِكَ فِي السَّمَاءِ }, lalu Rasulullah SAW menghadapkan wajahnya ke arah Kaabah ... Seorang lelaki ('Ubbad bin Basyar) turut bersolat bersama-sama baginda sehingga selesai. Kemudian lelaki tersebut melalui sebuah perkampungan orang Ansar yang sedang bersolat Asar dengan menghadap ke arah Baitulmaqdis, lalu menyatakan bahawa dia telah bersolat dengan Rasulullah SAW dan baginda menghadapkan wajahnya ke arah Kaabah. Maka dengan sebab itu, orang Ansar tersebut memalingkan wajah mereka dengan menghadap ke arah Kaabah.

Ibn Hajar (m852H) ketika mensyarahkan frasa (فِي صَلَاةِ الْعَصْرِ نَحْوَ بَيْتِ) (المُقَدِّسِ) dalam riwayat di atas, memetik kata-kata Thuwaylah binti Aslam sebagaimana terdapat dalam Tafsir Ibn Abi Hatim (m327H) Thuwailah menyatakan bahawa berita pertukaran arah kiblat dari Masjidilqasa ke Masjidil Haram sampai ke pengetahuan mereka ketika sedang bersembahyang Zohor atau Asar. Riwayat al-Bukhari menyebut solat Asar di Masjid Bani Harithah. Perintah ini menyebabkan mereka memusingkan badan untuk menghadap ke arah Masjidil Haram. Kesimpulannya, Masjid Bani Harithah atau Masjid *al-Mustarah* juga merupakan sebuah masjid yang menjadi saksi terhadap sejarah pertukaran arah kiblat ke Masjidil Haram.

Riwayat-riwayat tentang Masjid *al-Qiblatayn* dan Masjid Bani Harithah menunjukkan bahawa kedua-dua masjid ini mempunyai pertalian dengan sejarah permulaan pertukaran arah kiblat. Daripada riwayat-riwayat tersebut, dapatlah disimpulkan bahawa ketika perintah pertukaran arah Kiblat ke Masjidiharam turun, Rasulullah SAW sedang bersolat Zohor di Masjid *al-Qiblatayn*. Selesai solat, salah seorang sahabat yang bersolat

bersama-sama dengan baginda, ‘Ubbad bin Basyar telah pergi ke perkampungan Bani Harithah dan melihat penduduk di situ sedang bersolat Asar di masjid mereka, lalu beliau menyampaikan berita terkini tentang pertukaran arah kiblat berkenaan. Hal ini jelas membuktikan bahawa kedua-dua masjid ini mempunyai perkaitan yang sangat rapat dengan perintah pertukaran arah kiblat daripada Masjidilqasa ke Masjidil Haram.

Masjid *al-Fath* (مَسْجِدُ الْفَتْحِ) juga merupakan antara masjid yang dikaitkan dengan Rasulullah SAW. Masjid *al-Fath* terletak di kawasan Bukit Sila’, iaitu di sebelah barat Kota Madinah dan berhadapan Wadi Buthan (وَادِي بُطْحَانَ). Masjid ini juga dikenali sebagai Masjid *al-Ahzab* dan Masjid *al-A’la*. Dirikanlah bahawa di masjid inilah Rasulullah SAW berdoa selama tiga hari berturut-turut ke atas tentera Ahzab ketika berlaku *Ghazwah al-Khandaq*. Daripada Jabir bin ‘Abdullah:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ دَعَا فِي مَسْجِدِ الْفَتْحِ ثَلَاثًا يَوْمَ الْإِثْنَيْنِ
وَيَوْمَ الثَّلَاثَاءِ وَيَوْمَ الْأَرْبَعَاءِ فَاسْتُجِيبَ لَهُ يَوْمَ الْأَرْبَعَاءِ بَيْنَ الصَّلَاتَيْنِ
فَعَرَفَ الْبَشَرُ فِي وَجْهِهِ... فَأَعْرَفَ الْإِجَابَةَ

Nabi telah berdoa di Masjid al-Fath selama tiga hari iaitu hari Isnin, Selasa dan Rabu. Maka diperkenankan doa baginda pada hari Rabu iaitu antara dua waktu solat. Maka terpancar riak kegembiraan di wajah baginda..., maka aku (Jabir) mengetahui doa baginda telah diperkenankan.

Dapatlah dirumuskan bahawa Masjid *al-Fath* menjadi lokasi penting terhadap komitmen Rasulullah SAW dalam memastikan kemenangan tentera Islam di medan Khandaq. Selain masjid yang dibina dan diimarahkan atas dasar ketakwaan kepada Allah SWT, pada zaman Rasulullah SAW juga terdapat sebuah masjid yang dibina oleh golongan munafik bertujuan menyaingi baginda dan memecahbelahkan perpaduan orang yang beriman. Masjid ini dikenali sebagai masjid *Dirar* (مَسْجِدُ دِرَارٍ). Peristiwa ini dirakamkan oleh Allah SWT melalui firman-Nya :

Dan (di antara orang munafik itu) ada orang yang mendirikan masjid untuk menimbulkan kemudaratan (pada orang mukmin), kekufuran dan untuk memecah belahkan di antara orang yang beriman serta menunggu kedatangan orang yang telah memerangi Allah SWT dan Rasul-Nya sejak dahulu. Mereka

sesungguhnya bersumpah: Kami tidak menghendaki selain kebaikan. Dan Allah SWT menjadi saksi bahawa sesungguhnya mereka itu adalah pendusta. Janganlah kamu bersolat dalam masjid itu selama-lamanya. Sesungguhnya masjid yang didirikan atas dasar takwa (masjid Quba'), sejak hari pertama adalah lebih patut kamu bersolat di dalamnya. Di dalamnya ada orang yang ingin membersihkan diri. Dan sesungguhnya Allah SWT menyukai orang yang bersih.

Ibn Kathir (m774H) dalam tafsirnya menjelaskan bahawa golongan munafik membina masjid ini bersebelahan Masjid Quba'. Manakala al-Suyuti (m911H) dalam tafsirnya memetik daripada Ibn Ishaq yang menyebut bahawa masjid ini dibina oleh dua belas orang lelaki, antara mereka ialah Khizam bin Khalid, Hazzal bin Umayyah dan 'Abbad bin Hunaif. Setelah siap, mereka memaklumkan kepada Rasulullah SAW bahawa pembinaan masjid ini adalah untuk memudahkan orang tua bersolat dan menjemput baginda bersolat di situ. Bagaimanapun, sebelum sempat Rasulullah SAW menunaikan hajat mereka, Allah SWT menurunkan ayat di atas bagi menerangkan status sebenar masjid tersebut sebagai masjid *Dirar* serta tujuan di sebalik pembinaannya. Baginda seterusnya memerintahkan Malik bin al-Dukhsyum dan Ma'an bin 'Adi untuk merobohkan masjid golongan munafik ini. Kesimpulannya, maklumat tentang beberapa buah masjid di atas memadai untuk membuktikan bahawa pada zaman Rasulullah SAW, selain daripada masjid-masjid utama seperti Masjid Nabawi dan Masjid Quba', terdapat juga masjid-masjid lain yang didirikan dan mempunyai kaitan dengan baginda.

KESIMPULAN

Daripada perbincangan di atas, jelas menunjukkan bahawa fungsi utama masjid adalah sebagai tempat ibadat kepada Allah SWT. Secara khususnya, tempat ibadat yang dimaksudkan ialah tempat untuk bersolat, berzikir, membaca al-Qur'an, beriktikaf dan melakukan amalan-amalan khusus yang lain. Ditinjau daripada sudut yang lebih komprehensif, masjid turut berfungsi sebagai medan untuk melaksanakan segala aktiviti kemasyarakatan yang menjurus ke arah mengingati dan mendekatkan diri kepada Allah SWT. Aktiviti-aktiviti ini termasuklah majlis pengajian dan muzakarah ilmu, program dakwah, aktiviti siasah dan sebagainya. Kesimpulannya, masjid merupakan institusi tunggal dalam

Islam yang diwartakan sebagai rumah Allah SWT. Pewartaan ini meletakkan masjid pada kedudukan yang sangat mulia dan terhormat dalam Islam. Kedudukan tersebut selari dengan fungsi besar dan penting yang dimainkannya dalam menyumbang ke arah pembentukan masyarakat yang bertaqwa kepada Allah SWT serta menghayati sunnah Rasulullah SAW.

RUJUKAN

- ‘Abd Wahhab Hamudah, (T.T.). *Fadl Al-Masjid ‘Ala Al-Thaqafah Al-Islamiyah*. Jedda: Dar Al-‘Ukkaz.
- Abu Ja‘Far Muhammad Bin Jarir Al-Tabari. (T.T.). *Tafsir Al-Tabari*. Mahmud Muhammad Syakir (Pnyt.), Jld. 14, Al-Qahirah: Maktabah Ibn Taymiyah.
- Ahmad Bin ‘Abdullah Al-Asbahani (1996). *Al-Musnad Al-Mustahkrij ‘Ala Sahih Al-Imam Muslim*, Muhammad Hasan Isma‘il Al-Syafi‘I (Pnyt.), Bab Al-Salah Hayth Ma Adraka Al-Rajul, Hadith No. 1152. Jld. 2, Cet. 1, Beirut: Dar Al-Kutub Al-‘Ilmiyah,.
- Ahmad Zaki Dan Sadiqah Yusuf, 1991, *Al-Mu‘Jam Al-‘Arabi Al-Muyassar*, Cet. 1, Al-Qahirah : Dar Al-Kitab Al-Misri,
- Hajah Noresah Bt. Baharom, Et.Al., 2007, *Kamus Dewan* Edisi Keempat, Cet. 2, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka,.
- Ibn Kathir, Tafsir Al-Qur’an Al-‘Azim. Jld. 3.
- Ibn Kathir, Tafsir Al-Qur’an Al-‘Azim. Jld. 7.
- Ibn Kathir. *Tafsir Al-Qur’an Al-‘Azim*. Jld. 10.
- Istilah ‘Imarah’ Bermaksud Menggerakkan Atau Menghidupkan Suasana Di Masjid Atau Surau Dengan Pelbagai Perbuatan Berfaedah, Biasanya Berbentuk Keagamaan.
- Jalal Al-Din Al-Suyuti, *Al-Dur Al-Manthur Fi Al-Tafsir Bi Al-Ma‘thur*, J. 11, Cet. 1.
- Muhammad Bin ‘Abd Allah SWT Al-Zarkasyi. (1996). *I‘Lam Al-Sajid bi Ahkam Al-Masajid*, Mustafa Al-Maraghi (Pnyt.), Cet. 4, Al-Qahira: Al-Majlis Al-A‘la Li Al-Syu‘un Al-Islamiyah Jumhuriyah Misr Al-‘Arabiyah,
- Muhammad Fuad ‘Abd Al-Baqi. (1364H). *Al-Mu‘Jam Al-Mufahras Li Alfaz Al-Qur’an Al-Karim*. Al-Qahirah: Dar Al-Kutub Al-Misriyah,
- Muslim bin Al-Hajjaj, *Sahih Muslim*, Bab Al-Nahy ‘An Nasyd Al-Dallah SWT Fi Al-Masjid Wa Ma Yaquuluh Man Sami‘ Al-Nasyid, Hadith No. 568, Jld. 1.
- _____. *Sahih Muslim*, Bab Fadl Al-Julus Fi Musallah SWT Ba‘d Al-Subh Wa Fadl Al-Masajid, Hadith No. 671. Jld. 1.
- _____. *Sahih Muslim*, Bab Fadl Bina’ Al-Masajid Wa Al-Hath ‘Alayha, Hadith No. 533. Jld. 1.

63 | *Pembudayaan Ilmu Dan Perkembangan Institusi Masjid Pada Zaman Rasulullah SAW*

- _____. Sahih Muslim, Bab Ma Yuqal Fi Al-Ruku' Wa Al-Sujud, Hadith No. 482. Jld.1, Cet. 1,
- _____. *Sahih Muslim*, Kitab Al-Masajid Wa Mawadi' Al-Salah, Hadith No. 520. Jld. 1.
- Wahbah Al-Zuhayli, 1996, *Al-Tafsir Al-Wajiz*, Cet. 2, Damsyiq : Dar Al-Fikr, Hlm. 190 .
- Yahya bin Syarf Al-Nawawi. (1929). *Sahih Muslim Bi Syarh Al-Nawawi*. Jld. 5. Cet. 1, Al-Azhar : Al-Matba'Ah Al-Misriyah,
- Yusuf Al-Qaradawi. (1990). *Huda Al-Islam: Fatawa Mu'Asirah*. Jld. 1. Kuwait : Dar Al-Qalam,

Mohammad Akhir Wahab
Pensyarah dan Ketua Unit Pendidikan Al Qur'an Dan Al Sunnah,
Jabatan Pendidikan Islam dan Moral IPG Kampus Darulaman,
Jitra, Kedah

Ahmad Nasir Mohd Yusoff, Dr
(Pensyarah Kanan, Penyelaras Kursus TITAS, Pakar RujukTITAS MOOC
KPM UPM),
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang. Selangor
E-mail: ahmadnasir@upm.edu.my

Mohd Maulana Magiman, Dr (Pensyarah Kanan)
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia, Kampus Bintulu Sarawak